

Kuala Lumpur: Tiga pelari muda negara, Fatin Faqihah Mohd Yusof, Azreen Nabila Alias dan Norris Foo teruja untuk beraksi buat pertama kali di temasya dwi tahunan, Sukan SEA Kuala Lumpur dalam acara 4x100 meter.

Masalah yang melanda pelari senior S Komalam Shally membuka ruang buat tiga pelari muda itu disenaraikan dalam skuad negara.

Biarpun mengakui wujudnya tekanan, peluang yang diberi perlu digalas sebaik mungkin bagi memastikan yang terbaik diberi untuk negara.

Kata Fatin, kepercayaan diamanahkan jurulatih dan dipersetujui Kesatuan Olahraga Malaysia (KOM) itu perlu dibalas dengan kejayaan biarpun untuk menghadihkan pingat emas buat negara adalah sukar.

"Kami akan cuba buat yang terbaik biarpun tidak pernah bergandingan sebelum ini tapi itu bukan masalah selepas dapat berlatih bersama.

"Sesungguhnya saya gem-bira dalam beraksi dalam

acara 4x100m ini biarpun acara itu bukanlah acara saya tapi saya sudah bersedia untuk beraksi," katanya yang akan beraksi dalam tiga acara 400m, 4x400m dan 4x100m.

Sementara itu bagi pelari senior negara, Zaidatul Husniah Zulkifli, dia percaya kemampuan tiga atlet muda itu kerana mereka sudah mempunyai pengalaman.

"Tiada apa yang perlu dibimbangkan dan berlari bukan susah cuma ada beberapa kelemahan yang perlu diperkemas terutama ketika pertukaran baton," katanya optimis yang kuartet negara mampu menghadihkan pingat.

Berdasarkan statistik, kedudukan kuartet negara untuk meraih emas adalah tipis kerana catatan rekod kebangsaan 45.18s belum cukup menjanjikan emas buat kem negara.

Dua tahun lalu di Singapura acara berganti-ganti tu menjadi milik kuartet Thailand yang merekodkan 44.27s, Vietnam perak 44.77s dan gangsa milik Malaysia 45.41s.



Trio pelari muda sedia galas cabaran

SKUAD 4X100 meter negara (dari kiri) Norris, Fatin, Zaidatul dan Azreen pada sesi latihan atlet, semalam.